AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

**BATUK KOKOL**

# Bayi dua bulan di Kelantan maut

**Kota Bharu:** Satu kematian membabitkan bayi lelaki berusia dua bulan akibat jangkitan Pertusis atau batuk kokol direkodkan di Kelantan sehingga minggu ke-12.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri Hilmi Abdullah berkata, kematian itu dikesan di Tanah Merah pada bulan lalu.

Beliau berkata, setakat Selasa sebanyak 29 kes direkodkan di seluruh negeri iaitu Kota Bharu (11), Tanah Merah (tujuh), Kuala Krai (empat), Pasir Puteh (tiga), Tumpat (dua) dan Gua Musang (dua).

"Tiga kawasan wabak juga diisytiharkan di Kelantan iaitu di Tanah Merah, Pasir Puteh dan yang terbaru di Kota Bharu pada 14 Mac lepas di sebuah pangsapuri di Kubang Kerian, di sini.

"Berbanding tempoh sama (Minggu Ke-12) tahun lepas hanya terdapat satu kes Pertussis," katanya dalam kenyataan, kelmarin.

Jelasnya, perbandingan ini menunjukkan terdapat peningkatan signifikan kes Pertussis di Kelantan.

"Daripada 29 kes setakat hari ini, 22 kes daripadanya melibatkan bayi berumur antara satu hingga lima bulan," katanya.

Mengulas lanjut, Hilmi berkata, tahun lalu terdapat lima kes kematian dengan keseluruhan kes sebanyak 90 kes dengan peningkatan bermula pada Minggu Ke-35.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : LOKAL

### JUMPA CEBISAN KAIN PENGELAP DALAM MARTABAK

# Peniaga bazar Ramadan kena kompaun

**Putrajaya:** Notis kompaun dikenakan terhadap peniaga martabak di bazar Ramadan di Desa Pandan, Kuala Lumpur kerana didapati cuai ketika pengendalian makanan menyebabkan kehadiran cebisan kain pengelap dalam makanan berkenaan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam satu kenyataan, kelmarin memaklumkan siasatan lanjut melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) turut mengenal pasti beberapa kesalahan dilakukan pemilik gerai termasuk tidak membuat pengasingan yang jelas untuk bahan mentah dan makanan dimasak, menggunakan kain pengelap tidak bersih dan tidak memakai pakaian pelindung diri dengan sempurna.

"Justeru, tindakan penguatkuasaan diambil terhadap gerai yang menjual makanan berkenaan dengan mengeluarkan notis kompaun mengikut Peraturan 32(1)(b) Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009," menurut kenyataan itu susulan aduan tular di media sosial mengenai pencemaran makanan di bazar Ramadan Desa Pandan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



CEBISAN kain pengelap yang ditemui dalam martabak yang dibeli di bazar Ramadan di Desa Pandan.

KKM sentiasa menjalankan pemantauan dan pemeriksaan di semua gerai bazar Ramadan seluruh negara dan sehingga kini, sebanyak 10,570 premis telah diperiksa.

KKM turut mengingatkan peniaga premis makanan untuk meningkatkan tahap kebersihan dan keselamatan makanan di premis masing-masing bagi mengelakkan sebarang pencemaran silang dan kehadiran bendasing dalam makanan yang dijual.

"Cuaca panas ketika ini juga boleh menyebabkan pembiakan bakteria lebih pantas dan menyebabkan makanan cepat basi dari kebiasaan.

"Orang ramai dinasihatkan untuk mengutamakan keselamatan makanan sepanjang Ramadan ini dalam memilih apa sahaja juadah berbuka, sebelum membeli 'Perhati dan Pilih' serta amalkan Lihat Hidu Rasa kerana ia langkah paling mudah untuk mengelakkan keracunan makanan," menurut kenyataan itu.

Sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, boleh dihubungi mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melayari laman sesawang http://moh.spab.gov.my serta facebook Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) www.facebook.com/bkkmhq.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LOKAL

# Sri Aman lokasi terbaharu rabies

**Kuching:** Sri Aman menjadi bahagian terbaharu di Sarawak diisytiharkan sebagai kawasan jangkitan rabies selepas Kuching, Samarahan, Serian dan Bintulu, kata Timbalan Premier, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Katanya, jumlah kematian keseluruhan adalah 71 daripada 78 kes rabies pada manusia sejak wabak itu diisytiharkan di Sarawak pada Julai 2017.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) itu berkata, pengisytiharan itu dimaklumkan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Datuk Seri Stephen Rundi Utom pada Isnin, susulan kes positif rabies haiwan baharu dikesan di bahagian itu.

"Sebanyak 29 kawasan masih kekal sebagai kawasan jangkitan rabies walaupun tiada haiwan positif rabies dikesan di kawasan terbabit tahun ini.

"Pengisytiharan ini adalah perlu bagi memastikan lebih banyak usaha membasmi rabies di bahagian terjejas oleh agensi berkaitan," katanya dalam kenyataan di sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian sempena Majlis Penutupan Bengkel Pemantapan Pelan Tindakan Kawalan dan Pembasmian Rabies 2024-2025 anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) di sini.

**29**

jumlah kawasan masih kekal sebagai kawasan jangkitan rabies walaupun tiada haiwan positif rabies dikesan tahun ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

# KKM siasat dakwaan pesakit meninggal dunia akibat kegagalan ventilator

**SHAH ALAM** - Kementerian Kesihatan (KKM) menubuhkan Jawatankuasa Penyiasatan Bebas (JKPB) bagi menyiasat dakwaan seorang pesakit meninggal dunia dan seorang lagi mati otak di Hospital Kuala Lumpur (HKL) berpunca kerosakan mesin ventilator baru-baru ini.


DR DZULKEFLY

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, mesyuarat jawatankuasa itu juga telah bersidang pada 9 Februari lalu bagi meneliti perkara tersebut.

"Pengendalian mesyuarat JKPB ini melibatkan penelitian terhadap dokumentasi pada rekod perubatan pesakit (RPP), prosedur operasi standard (SOP), garis panduan sedia ada dan temu ramah setiap anggota kesihatan yang terlibat dalam perawatan pesakit.

"Pihak hospital (juga) akan berjumpa dengan waris pesakit dan memaklumkan hasil siasatan," katanya dalam jawapan bertulis yang disiarkan menerusi laman sesawang Parlimen pada Khamis.

Dr Dzulkefly menjawab soalan **Lim Lip Eng (PH-Kepong)** yang bertanyakan mengenai dakwaan laporan seorang pesakit meninggal dunia dan seorang lagi mati otak di HKL berpunca kerosakan mesin ventilator.

Dr Dzulkefly berkata, berdasarkan fakta kes, pesakit telah didaftarkan masuk ke wad HKL pada 9 Januari 2024 dan diagnosis mengalami *alleged ingestion of foreign body* dan menjalani pembedahan pada 10 Januari sebelum disahkan meninggal dunia pada 20 Januari.

"Seorang lagi pesakit didaftarkan masuk ke wad hospital sama pada 25 Januari. Pesakit diagnosis mengalami *septic shock secondary to left lower limb necrotising fasciitis*. Pesakit meninggal dunia 26 Januari lalu," jelasnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEWS / NATION

PARALLEL PATHWAY PROGRAMME

# Dzulkefly to propose solution to specialist issue

**KUALA LUMPUR:** The Health Minister will present to the cabinet a solution to the issue of graduates from a programme who are not listed on the National Specialist Register (NSR).

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad told the Dewan Negara he was aware of the Malaysian Medical Council's (MMC) refusal to recognise qualifications from certain colleges, which had caused controversy.

"I have engaged with the Attorney-General's Chambers and, after considering the conflicting perspectives, I have identified a solution that will be promptly presented in a cabinet paper.

"However, I am unable to disclose specific details at this time as I must first propose it to the cabinet for discussion and approval."

He was responding to a question from Senator Dr R.A. Lingeswaran, who on Wednesday referred to an MMC statement on March 25 that it had never recognised the Fellow of the Royal College of Surgeons of Edinburgh cardiothoracic programme.

Lingeswaran had asked whether the statement by MMC president Datuk Dr Radzi Abu Hassan, who is also Health Ministry director-general, was accurate.

He pointed out that there were 88 cardiothoracic surgeons on the specialist register, many of whom had obtained qualifications from the royal college.

Dr Dzulkefly said the solution he envisioned was comprehensive and conclusive.

"Most importantly, graduates from the parallel pathway programme will be provided with the facilities and opportunities to eventually obtain recognition as specialists in the NSR," he said.

A member of parliament previously urged MMC and the ministry to address the confusion over the recognition and registration of cardiothoracic surgeons, who graduated from the parallel pathway programme.

Dr Kelvin Yii said the programme, which started in 2016, had produced 32 surgeons, four of whom had completed training.

Applications by the four to become full surgeons, however, were rejected by MMC.

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : NATIONAL**

# Increase in e-cigarette poisoning cases

**GEORGE TOWN:** A total of 111 cases related to e-cigarette and e-liquid poisoning have been referred to the National Poison Centre (NPC) at Universiti Sains Malaysia from 2015 until last year.

NPC chief pharmacist officer of medicine information and poisons Sulastri Samsudin said it recorded the highest number of e-cigarette exposure cases with 30.6%, which is a five-fold increase last year compared with 6.3% in 2019.

"The first phase showed a two-fold increase in 2020 at 13.5% and 19.8% in 2021 compared with 6.3% in 2019 during the movement control order due to the Covid-19 pandemic.

"The majority of cases involved children aged under five.

"The situation can be attributed to the accessibility of these products due to their unsafe storage and packaging, as well as the presence of attractive flavourings such as food and candies," she said in a statement.

Sulastri also said the second phase, in 2022 and 2023, showed a trend shift from age categories, with more teenagers aged between 15 and 19 experiencing intentional e-cigarette poisoning.

She added that over 95% of reported cases exhibited symptoms of nicotine poisoning such as severe vomiting, drowsiness, diarrhoea, abdominal pain, fainting and seizures.

The more severe symptoms include psychosis, hallucinations and aggressive behaviour changes.

Sulastri said since 2021, NPC has received cases of e-cigarette exposure associated with magic mushroom drugs or its active ingredient psilocybin, and has recorded 23 cases to date.

She said NPC has urged the government to expedite the implementation of the Control of Smoking Products for Public Health Act 2023, which was passed last year, by ensuring control of e-cigarette products focusing on several aspects.

This includes the use of safety caps for refillable e-cigarette containers, prohibiting the use of food flavourings in e-cigarette liquid, limiting nicotine concentration and the volume of liquid in e-cigarette liquids and refillable containers.

"There is also a need to ensure that chemical products are tested and registered for monitoring purposes, establishing strict standard operating procedures for product manufacturing processes, strengthening monitoring systems for e-cigarette poisoning cases, and controlling access to e-cigarettes for underage individuals," she said. – Bernama

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NATIONAL**

# Sri Aman declared rabies-infected area

**KUCHING:** Sri Aman became the latest division in Sarawak to be declared a rabies-infected area after Kuching, Samarahan, Serian and Bintulu as the disease claimed 71 lives from 78 cases reported.

Sarawak Disaster Management Committee chairman Datuk Amar Douglas Uggah Embas said the declaration, made by the State Minister of Food Industry, Commodity and Regional Development Datuk Seri Stephen Rundi Utom last Monday, was due to new positive rabies cases in Sri Aman recently.

"A total of 29 areas remain as rabies-infected areas although there is no (new) positive cases this year. The declaration is necessary to ensure increased efforts to eradicate rabies in the affected division."

Uggah, who is also Sarawak deputy premier, said a two-day workshop titled Action Plan for Rabies Control and Eradication 2024-2025 was held since yesterday, involving 140 participants from 13 agencies.

He said the workshop proposed 14 veterinary mobile teams and 12 enforcement teams be established to achieve and maintain 70% herd immunity, with 133 new posts in the Sarawak Department of Veterinary Services created to intensify anti-rabies vaccination programmes.

He added that the department, police, the Immune Belt Enforcement Team and local councils in Sarawak will form an enforcement team to carry out enforcement on unvaccinated dogs, removing stray dogs and dog licensing to reduce the stray population and increase vaccination coverage. – Bernama

# Baby dies of whooping cough

**KOTA BHARU:** A two-month-old baby boy died due to *pertussis* (whooping cough) in Tanah Merah, Kelantan in February.

State Local Government, Housing, Health and Environment Committee chairman Hilmi Abdullah said a total of 29 cases were recorded this year across Kelantan, including Kota Bharu (11), Tanah Merah (seven), Kuala Krai (four), Pasir Puteh (three), Tumpat (two) and Gua Musang (two).

"Three outbreaks were also reported in Kelantan, namely in Tanah Merah, Pasir Puteh and the latest in Kota Bharu on March 14 in a flat in Kubang Kerian.

"Of the 29 cases, 22 cases involved babies aged between one and five months." – Bernama